

‘Air merah’ bukan toksin

Hm 31/8/2022 ms: 12

Bernamea

Georgetown

Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang akan terus mengambil sampel secara berkala bagi memantau kepadatan spesies alga, *Noctiluca Scintillans* di perairan Teluk Bahang di sini, yang mengalami fenomena air pasang merah atau ‘air merah’ sejak Sabtu lalu.

Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang pada kenyataan berkata, pemantauan kepadatan alga itu akan dijalankan sehingga ia mencapai paras yang selamat.

“Keputusan awal analisis yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung bagi me-

ngenal pasti ‘air merah’ yang hadir di perairan Teluk Bahang mendapati alga berkenaan adalah bukan toksin dan ia adalah spesies *Noctiluca Scintillans*, serta tidak berbahaya kepada manusia.

“Kepadatan sel fitoplankton itu sangat tinggi iaitu satu hingga lima juta sel per liter yang mengesahkan berlaku ledakan alga di perairan itu, dan

“Kepadatan sel fitoplankton sangat tinggi iaitu satu hingga lima juta sel per liter mengesahkan berlaku ledakan alga di perairan”

boleh menyebabkan kematian ikan terutamanya ikan dalam sangkar ekoran penurunan oksigen terlarut. Alga juga sudah meliputi insang dan menyebabkan ikan tidak mendapat oksigen,” menurutnya.

Katanya, berdasarkan rekod pada 2016, *Noctiluca Scintillans* pernah menyebabkan ledakan yang menyebabkan air laut menjadi merah jambu di Kuala Gula, Perak selain menyebabkan ikan dalam sangkar mati.

Sementara itu, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang memaklumkan, pihaknya sudah mencadangkan beberapa langkah mitigasi kepada penternak ikan sangkar di kawasan terbabit seperti menuai segera semua ikan yang ber-



PEMANTAUAN kepadatan alga di perairan Teluk Bahang akan dijalankan sehingga ia mencapai paras yang selamat.

saiz pasaran, jika ada tanda ikan lemas atau mati.

Menurut kenyataan, penternak juga disaran untuk mengurangkan kepadatan ikan dalam sangkar dengan memindahkan ikan ke sangkar lain dan memantau kandungan oksigen terlarut.

“Mereka juga perlu menambah pengudaraan ke-

pada ikan untuk menyelamatkan ikan ternakan yang masih hidup bagi mengelakkan peningkatan kerugian,” katanya.

Menurut kenyataan, seorang daripada enam penternak di kawasan berkenaan iaitu Hing Moh Yok memberitahu, kehadiran air merah dikesan pada awal pagi Isnin lalu,

dan ia dalam jumlah yang sangat banyak sebelum mula pecah seterusnya hilang pada jam 9.30 pagi.

“Kejadian itu menyebabkan kematian ikan berternakan di kawasan itu. Penternak menganggarkan kerugian RM500,000 akibat kematian hampir 15 tan metrik ikan di sangkar,” katanya.